

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

Tarikh : 21 Mac 2024 (Khamis)

Masa : 9.30 pagi – 11.30 pagi

**Pengerusi : YBhg. Dato' Parang Abai @ Thomas
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan dan Sosio Ekonomi)
Jabatan Wilayah Persekutuan**

Kehadiran : Seperti di Lampiran A1

1. PERUTUSAN YBHGS. DATO' PENGERUSI

- 1.1 YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.
- 1.2 YBhg. Dato' Pengerusi turut menyampaikan ucapan salam daripada Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim yang tidak dapat mempengerusikan mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) pada kali ini kerana terlibat dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Menteri.
- 1.3 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa di sepanjang bulan Ramadan ini kepada semua ahli mesyuarat.
- 1.4 YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan tahniah kepada **enam (6) orang** lantikan baharu Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2023/2024 yang telah dilaksanakan melalui kaedah pengundian berdasarkan gred jawatan yang diwakili oleh pegawai. Senarai lantikan baharu Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2023/2024 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN / GRED JAWATAN	BAHAGIAN
i.	Encik Nazawandi bin Nazarudin	KPP J48	BPKT
ii.	Encik Shah Rizan bin Ab Razak	PP J44	BPKT
iii.	Puan Nurul Adilla binti Abd Rahim	PP M41	BSE
iv.	Encik Sirajuddin bin Salahudin	PPHEI S32 (TBK1)	BKP

v.	Puan Suraya binti Aripin	PT (Kew) W22 (TBK)	BKEW
vi.	Cik Linda Tey Siaw Wei	PT (P/O) N19	BKP

- 1.5 YBhg. Dato' Pengerusi berharap agar lantikan baharu Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP Sesi 2023/2024 ini dapat bekerjasama dengan Wakil Pihak Pekerja sedia ada dalam membawa cadangan serta idea baharu kepada Pihak Pengurusan JWP dan dapat menyumbang kepada pewujudan suasana kerja yang selesa dan kondusif di Jabatan ini.
- 1.6 Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan-cadangan program bagi **Hari Bahagian** yang akan dilaksanakan pada hari Jumaat minggu keempat setiap bulan telahpun diluluskan dan diedarkan kepada semua Bahagian.
- 1.7 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat MBJ merupakan satu forum perbincangan di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja. Selain menyelesaikan isu-isu berbangkit, ahli-ahli MBJ turut berperanan menyumbang idea-idea inovasi berkaitan tadbir urus Jabatan bagi memastikan peningkatan prestasi dan produktiviti yang berterusan dalam kalangan warga Jabatan.
- 1.8 Mesyuarat dimaklumkan berkenaan Mesyuarat *Pre-Council* MBJ JWP Bilangan 1 Tahun 2024 yang telah diadakan pada 1 Mac 2024. WPP telah membawa sebanyak 12 usul dan sembilan (9) usul telahpun diselesaikan secara pentadbiran seperti di **Lampiran A2**.
- 1.9 YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa terdapat **tiga (3) usul baharu** yang dibincangkan dalam mesyuarat kali ini mengikut kategori seperti berikut:

KATEGORI USUL	BILANGAN USUL
Kebajikan	1
Lain-Lain	1
Kewangan dan Kemudahan	1

- 1.10 Seterusnya, YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

A. NILAI H.E.M.A.T

- i. Mesyuarat mengambil maklum bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang baharu, YBhg. Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz telah memperkenalkan nilai baharu sebagai pegangan dan panduan bagi penjawat awam, dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Nilai tersebut dikenali sebagai **H.E.M.A.T** yang merupakan akronim bagi **Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran**.
- ii. Dari sudut tafsiran, H.E.M.A.T membawa dua maksud iaitu sikap penjawat awam dalam membelanjakan dana awam secara berjimat-cermat dan tidak boros. Dari segi sifat pula, H.E.M.A.T ialah cara penjawat awam menjalankan tugas dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam.
- iii. Justeru, penjawat awam hendaklah sentiasa berani berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa, menjalankan tugas dengan rapi, cekap dalam pelaksanaan tugas dan mengamalkan komunikasi secara efisien.
- iv. Selain itu, penjawat awam perlu sentiasa mendengar dan memahami permasalahan rakyat, prihatin dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat.
- v. Nilai H.E.M.A.T juga menghendaki penjawat awam sentiasa bersikap cermat dalam membelanjakan dana awam, kreatif dan inovatif dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda *value for money*, serta menjalankan tugas secara kerjasama strategik antara organisasi.
- vi. Sehubungan itu, semua warga JWP adalah dimohon untuk mengamalkan nilai H.E.M.A.T ini dalam tugasannya sehari-hari supaya objektif untuk memperkasakan Perkhidmatan Awam dapat direalisasikan dan seterusnya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan dalam kalangan warga JWP khususnya.

MAKLUMAN

B. BUDAYA KERJA HARMONI

- i. YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan tentang budaya kerja baharu yang diperkenalkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dalam **Majlis Aspirasi 2024: Bersama Memacu Wilayah Persekutuan Sejahtera** kepada seluruh warga kerja Wilayah Persekutuan iaitu, **HARMONI: Hormat, Adil, Responsif, Mampan, Orientasi Rakyat, Nilai Empati dan Integriti**.
- ii. YBhg. Dato' Pengerusi menyeru supaya budaya kerja HARMONI ini dapat dipraktikkan dalam MBJ JWP bagi mewujudkan *win-win situation* antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan warga JWP.

MAKLUMAN

C. PELAKSANAAN SISTEM *PROFILING* DIGITAL KESIHATAN PSIKOLOGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM (MyPsyD)

- i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah membangunkan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) bagi mengenal pasti tahap risiko kesihatan psikologi pegawai. Pengenalpastian risiko tahap kesihatan psikologi ini membolehkan setiap pegawai mengekalkan kesejahteraan, di samping mengambil tindakan intervensi yang bersesuaian, sekiranya tahap risiko kesihatan psikologi tinggi.
- ii. Bagi menjayakan hasrat mempromosikan kesejahteraan pegawai seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rukun Malaysia MADANI, semua pegawai adalah **diwajibkan** untuk melengkapkan *profiling* MyPsyD mulai 11 Mac 2024 sehingga 31 Mac 2024.
- iii. Justeru, Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP adalah dimohon untuk mengingatkan pegawai dalam gred yang diwakili untuk melengkapkan *profiling* MyPsyD dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

MAKLUMAN

2. UCAPAN BALAS PENGERUSI WAKIL PIHAK PEKERJA MBJ JWP

- 2.1** Pengerusi WPP MBJ JWP mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Pengerusi, Pengurusan Tertinggi JWP, wakil WPP serta semua ahli mesyuarat atas kehadiran pada mesyuarat kali ini.
- 2.2** Pengerusi WPP MBJ JWP memaklumkan bahawa dengan penambahan enam (6) orang Wakil Pihak Pekerja daripada pelbagai skim yang berbeza diharapkan akan lebih memperkuuhkan MBJ JWP.
- 2.3** Mesyuarat mengambil maklum bahawa daripada sembilan (9) usul yang telah dicadangkan pada tahun 2023, tujuh (7) usul telah dipersetujui untuk dilaksanakan.
- 2.4** Pengerusi WPP MBJ JWP turut memaklumkan bahawa pelaksanaan program Hari Bahagian pada setiap hari Jumaat keempat setiap bulan merupakan cadangan idea yang inovatif dan program yang dicadangkan telah mendapat sokongan daripada semua warga JWP.
- 2.5** Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP juga turut menyambut baik berkenaan budaya kerja HARMONI yang telah diperkenalkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), yang mana ianya juga turut mencerminkan nilai kebersamaan antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja.
- 2.6** Mesyuarat turut mencadangkan supaya budaya kerja HARMONI dapat diletakkan sebagai paparan *desktop* komputer setiap warga JWP.
- 2.7** Pengerusi Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP juga berharap agar usul yang telah dibawa semasa Mesyuarat *Pre-Council* Bilangan 1 Tahun 2024 dan dipersetujui untuk diselesaikan secara pentadbiran akan diambil tindakan yang sewajarnya.

MAKLUMAN

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ JWP BIL. 3/2023

Minit Mesyuarat MBJ JWP Bil. 3/2023 pada 17 November 2023 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Mengkhususkan Hari Jumaat Pada Minggu Keempat Setiap Bulan Sebagai Hari Bahagian

- 4.1.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa memo bertarikh 13 Februari 2024 telah diedarkan kepada semua Bahagian untuk mengemukakan perancangan program. Program yang dicadangkan telah diangkat kepada YBhg. Dato' Indera KP JWP dan telahpun diluluskan. Semua Bahagian boleh melaksanakan program yang telah diluluskan selaras dengan peraturan yang dibenarkan.

MAKLUMAN

4.2 Penganjuran Hari PSM

- 4.2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Hari PSM dicadangkan untuk dilaksanakan pada bulan Mei 2024.

TINDAKAN : PSM, BKP

4.3 Arahan Pelaksanaan Bengkel/ Kursus Pada Hujung Minggu

- 4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat PPSM Bil. 1/ 2024 bertarikh 8 Februari 2024 telah memutuskan bahawa bengkel/ kursus boleh dilaksanakan pada bila-bila masa termasuk hari bekerja atau hujung minggu, di dalam atau luar kawasan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Bahagian masing-masing.
- 4.3.2 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa pemakluman berkenaan perkara ini telah dilaksanakan melalui emel bertarikh 18 Mac 2024.

MAKLUMAN

4.4 Cuti Gantian

- 4.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan BKP, JWP dengan Bahagian Sumber Manusia, JPM, dimaklumkan bahawa kelulusan Cuti Gantian adalah di peringkat pertimbangan Setiausaha Bahagian masing-masing.
- 4.4.2 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa Wakil Pihak Pekerja MBJ JWP telah menjalankan survei terhadap:
- (i) **47** Jabatan/ Agensi di bawah JPM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **31** sampel telah diperolehi;

- (ii) Manakala **lima (5)** Kementerian telah dipilih dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **tiga (3)** sampel telah diperolehi;
 - (iii) Manakala **tiga (3)** Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) telah dipilih iaitu SUK Selangor, SUK N.Sembilan dan SUK Perak dan hanya **satu (1)** sampel telah diperolehi; dan
 - (iv) Jumlah keseluruhan sampel adalah sebanyak **35 sampel** melibatkan Jabatan di bawah JPM/ Kementerian/ SUK.
- 4.4.3 Mesyuarat mengambil maklum bahawa hasil dapatan servai menunjukkan sebanyak **33 sampel** telah melaksanakan Cuti Gantian, manakala **dua (2)** lagi sampel tidak melaksanakan Cuti Gantian kerana dibayar Elaun Lebih Masa dan perlu menggunakan peruntukan di bawah tuntutan kerja lebih masa. Maklumat lanjut pembentangan adalah seperti di **Lampiran A3**.
- 4.4.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Anggota Kumpulan Pelaksana akan dibayar Elaun Lebih Masa sekiranya terdapat peruntukan. Sekiranya tiada peruntukan, pegawai boleh menukar tuntutan kerja lebih masa tersebut sebagai Cuti Gantian, tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.
- 4.4.5 Manakala bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional, kerja lebih masa tersebut boleh ditukar kepada Cuti Gantian, tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing.
- 4.4.6 Mesyuarat mengambil maklum bahawa cuti seseorang pegawai bukanlah hak, sebaliknya ia merupakan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan. Justeru, seseorang pegawai hendaklah merancang cuti dengan sebaik-baiknya supaya tidak mengganggu tugas hakiki.
- 4.4.7 Mesyuarat **bersetuju** bahawa sekiranya terdapat keperluan bagi seseorang pegawai untuk bekerja lebih masa pada hari cuti umum atau cuti hujung minggu, seseorang pegawai boleh memohon Cuti Gantian, tertakluk kepada kelulusan Pengarah **Bahagian masing-masing**.

MAKLUMAN

5. USUL BAHARU MESYUARAT MBJ JWP BIL. 1/2024

5.1 Mohon Untuk Disediakan Pemegang *Handphone* di Setiap Kenderaan Pejabat Termasuk Kabel USB dan Charger

- 5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan supaya disediakan pemegang *handphone* pada kenderaan Jabatan. Ini adalah berikutan situasi apabila pemandu kenderaan terpaksa menggunakan aplikasi waze ke sesuatu destinasi di mana mereka terpaksa memegang *handphone* dan stereng kenderaan dalam satu masa yang sama. Situasi ini dikhuatiri boleh membahayakan keselamatan pemandu dan juga penumpang.
- 5.1.2 Mesyuarat **bersetuju** supaya SPK, BKP membekalkan pemegang *handphone* serta kabel USB dan *charger* kepada semua kenderaan Jabatan.

TINDAKAN : SPK, BKP

5.2 Senaman Pagi Warga JWP

- 5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan untuk mengadakan senaman pagi selepas doa/ info secara siar raya untuk warga JWP di bawah seliaan Biro Sukan, KESWIP.
- 5.2.2 Mesyuarat **bersetuju** supaya:
 - (i) Sesi senaman ini dimulakan pada bulan April selepas sambutan hari raya;
 - (ii) Sesi senaman disiarkan melalui alat siar raya dalam tempoh 3 hingga 5 minit setiap hari sebanyak dua (2) kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang dan dilaksanakan di *work station* masing-masing; dan
 - (iii) Biro Sukan, KESWIP akan menyelia sesi senaman tersebut.

TINDAKAN : KESWIP

5.3 Pelantikan Operator Baharu Kafe JWP

- 5.3.1 Mesyuarat mencadangkan supaya dilaksanakan pemilihan operator baharu kafe JWP. Ini adalah kerana terdapat operator yang sudah terlalu lama mengusahakan kafe di JWP dan sudah tiba masanya JWP memberi peluang kepada operator baharu.
- 5.3.2 Ini adalah kerana terdapat rungutan dalam kalangan warga JWP yang mengatakan makanan terlalu cepat habis pada waktu rehat dan ada juga sesetengah pengusaha kafe yang kadang-kadang menutup kafe bagi tujuan katering.
- 5.3.3 Mesyuarat **bersetuju** supaya pihak KESWIP menyusuli cadangan ini.

TINDAKAN : KESWIP

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Rumah Mampu Milik di Bawah JWP

- 6.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa bagi warga JWP yang berminat untuk membeli rumah di Putrajaya, boleh mendaftar dalam portal permohonan rumah mampu milik yang berkenaan. Bagi permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, permohonan tersebut boleh dipertimbangkan.

MAKLUMAN

6.2 Mesyuarat MBJ di Luar Pejabat

- 6.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan untuk mengadakan mesyuarat MBJ di luar pejabat pada tahun ini. Walau bagaimanapun, dicadangkan mesyuarat tersebut diadakan pada pertengahan tahun dan bukannya pada hujung tahun bagi memudahkan proses pembayaran dan penutupan akaun.

MAKLUMAN

6.3 Tatacara Berpakaian

- 6.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa semua warga JWP adalah dimohon untuk mematuhi tatatacara berpakaian serta menjaga tingkah laku sebagai penjawat awam setiap masa walaupun pada ketika berkursus atau menjalankan tugas luar.

MAKLUMAN

6.4 Kaunter Pegawai RELA

- 6.4.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan kaunter pegawai RELA supaya mempamerkan imej yang baik seperti mengucapkan salam kepada pelawat dan tidak menggunakan telefon pada waktu yang tidak sepatutnya.

MAKLUMAN

6.5 Majlis Berbuka Puasa JWP

- 6.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada tahun ini JWP tidak akan menganjurkan majlis berbuka puasa kerana telah menganjurkan majlis makan malam JWP sebelum Ramadhan baru-baru ini.

MAKLUMAN

6.6 Model Aspirasi CHASE

- 6.6.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan pembentangan Model Aspirasi CHASE Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Lampiran A4**.

MAKLUMAN

7. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Dato' Pengurus.

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

Disediakan oleh:

(NOORAZLINA BINTI MOHD NOOR)
Setiausaha Pihak Pegawai
Tarikh: 2 / 4 / 2024

Dipersetujui oleh:

(SHAH RIZAN BIN AB RAZAK)
Setiausaha Pihak Pekerja
Tarikh: 2 / 4 / 2024

Diluluskan oleh:

.....
(DATO' PARANG ABAI@THOMAS)
WAKIL PENGERUSI PIHAK PEGAWAI
MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Tarikh: 02 / 4 / 2024

LAMPIRAN A1

HADIR (WAKIL PIHAK PEGAWAI)

- | | | |
|-----|--|-----------|
| 1. | YBhg. Dato' Parang Abai @ Thomas
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan dan Sosio Ekonomi) | Pengerusi |
| 2. | Puan Suzana binti Alias
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan | |
| 3. | Encik Nor Shah bin Mohamed
Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik | |
| 4. | Encik Mohd Sharif bin Mohamad Yaakob
Pengarah
Bahagian Sosio Ekonomi | |
| 5. | YBhg. Datuk Nor Muhamad bin Che Dan@Che Din
Pengarah
Bahagian Pengurusan Pembangunan | |
| 6. | Encik Wan Ashbi @ W Maheran bin Leman
Pengarah
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal | |
| 7. | Puan Suzliyana Hanan binti Zanudin
Pengarah
Bahagian Kewangan | |
| 8. | Puan Mazurah binti Ismail
Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat | |
| 9. | Puan Insyariza binti Ibrahim
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang | |
| 10. | Encik Rizalman bin Shahbranda
Ketua Integriti
Unit Integriti | |

HADIR (WAKIL PIHAK PEKERJA)

11. Encik Mohamad Haikal bin Mohd Ilnil Hajat
Wakil Pekerja Gred 48 Merangkap Pengurus Wakil Pekerja
Bahagian Pengurusan Pembangunan
12. Encik Wahyun Anwar bin Abd Rahman
Wakil Pekerja Gred 44
Bahagian Pengurusan Pembangunan
13. Encik Shah Rizan bin Ab Razak
Wakil Pekerja Gred 44
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal
14. Encik Muhammad Firdaus bin Mohamad Yassim
Wakil Pekerja Gred 29-40
Bahagian Kewangan
15. Encik Sirajuddin bin Salahudin
Wakil Pekerja Gred 29-40
Bahagian Khidmat Pengurusan
16. Puan Afza Liza binti Ahmad Suhaimi
Wakil Pekerja Gred 22-28
Unit Integriti
17. Puan Suraya binti Aripin
Wakil Pekerja Gred 22-28
Bahagian Kewangan
18. Puan Norsyafinaz binti Md. Salleh
Wakil Pekerja Gred 19
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
19. Cik Linda Tey Siaw Wei
Wakil Pekerja Gred 19
Bahagian Khidmat Pengurusan
20. Encik Mohd Rizzwan bin Mohmad
Wakil Pekerja Gred H11-14
Pejabat Ketua Pengarah JWP

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

21. YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim
Ketua Pengarah
22. YBhg. Datuk Ramlee bin Yatim
Timbalan Ketua Pengarah
(Perancangan dan Pembangunan)
23. Encik Nazawandi bin Nazarudin
Wakil Pekerja Gred 48
Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal
24. Encik Tharmaraj A/L Sundran
Wakil Pekerja Gred 41
Bahagian Komunikasi Korporat
25. Puan Nurul Adilla binti Abd Rahim
Wakil Pekerja Gred 41
Bahagian Sosio Ekonomi
26. Encik Mohd Hasrizal bin Hashim
Wakil Pekerja Gred H11-14
Bahagian Khidmat Pengurusan
27. Puan Faizatul Rahayu binti Zakaria
Ketua Penolong Pengarah
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan
28. Encik Syahrul Rizal bin Othman
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan
29. Cik Wan Rohaida binti Wan Zakaria
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan

URUS SETIA

30. Encik Saiful Yusnor bin Mohd Yusuf
Timbalan Pengarah
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan
31. Puan Noorazlina binti Mohd Noor
Penolong Pengarah
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan
32. Cik Nor Amira binti Abu Bakar
Penolong Pegawai Tadbir
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Khidmat Pengurusan

